



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 4 FEBRUARI 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	STOK AYAM, TELUR KURANG SEBAB PERMINTAAN NAIK, LOKAL, HM -23 SUBSIDI AYAM, PENTERNAK HARAP SITUASI MENANG- MENANG, ONLINE, UTUSAN MALAYSIA	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
3.	POTENSI PEKASAM IKON TERBAHARU KEDAH, DALAM NEGERI, UM -31	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
4. 5. 6. 7. 8. 9. 10.	30% PUTUS BEKALAN. LOKAL, HM -23 'EGG SHORTAGE OVER SOON IN TERENGGANU, NEWS, THE SUN -3 TERENGGANU EGG SHORTAGE TO CLEAR UP SOON, NATION NEWS, NST -5 PICTURESQUE STRAW ROLLS IN KEDAH VILLAGE A CROWD-PULLER, NEWS IN BRIEF, NST -14 SANGGUP BERHENTI KERJA TERNAK LOBSTER, NEGARA, KOSMO -17 SEGERA MUKTAMAD PEMBERIAN SUBSIDI PENTERNAK AYAM -BRO, NASIONAL, SINAR HARIAN -13 TERNAK UDANG KARA LUMAYAN, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA -30	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/2/2022	HARIAN METRO	LOKAL	23

Stok ayam, telur kurang sebab permintaan naik

Kangar: Kekurangan ayam mentah, telur ayam dan minyak masak peket dalam pasaran disebabkan oleh permintaan mendadak khususnya sempena Tahun Baharu Cina.

Pengarah Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Putrajaya, Azman Adam berkata, menjelang Tahun Baharu Cina, banyak sektor perniagaan terutama sektor peruncitan dibuka menyebabkan berlaku permintaan mendadak terhadap barangan berkenaan.

"Perkara itu menyebabkan ada pembekal gagal membekalkan barangan seperti ditempah peniaga pada waktu ditetapkan.

"Manakala peniaga pula terpaksa menghabiskan bekalan yang ada atau mengehadkan pembelian sesuatu barangan berdasarkan jumlah bekalan mereka," katanya, semalam.

Beliau ditemui selepas mengadakan *walkabout* Pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (Tahun Baharu Cina) di sebuah pasar raya di sini.

Azman meluangkan masa 20 minit bersama Pen-

garah KPDNHEP Negeri Perlis, Norazah Jaapar bagi meninjau dan meneliti bekalan selain harga barangan kawalan di pasar raya itu.

Menurut beliau, kesesakan trafik luar biasa di lebuh raya sebelum dan selepas perayaan itu juga menyebabkan bekalan berkenaan lambat tiba di kedai atau pasar raya yang ditetapkan.

"Ramai balik kampung, adakan kenduri, jamuan dan sebagainya. Ketidadaan pembekal yang turut ber-cuti ketika ini menyebabkan barangan itu laris malah permintaannya turut meningkat.

"Malah, daripada segi bekalan telur ayam, kita bersama-sama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) sedang mengurus dengan pembekal telur ayam untuk melihat keadaan ini.

"Ini kerana ada daerah tertentu di Kelantan dan Terengganu yang turut mengalami kekurangan bekalan telur ayam," katanya.

Menurut beliau, pihaknya memberi jaminan masalah pembekalan berkenaan dapat diselesaikan dalam masa terdekat.



AZMAN (kiri) bersama Norazah memeriksa bekalan ayam mentah dan minyak masak di sebuah pasar raya di Kangar. - Gambar NSTP/AIZAT SHARIF

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/2/2022	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

Subsidi ayam, penternak harap situasi menang menang



JAFFRI Ahmad (kiri) beramah mesra dengan tetamu terhormat pada Majlis Perasmian Rumah Makan Percuma (RMP) dan Majlis Penyerahan Zakat Ayam Bismi 2021 di Alor Setar hari ini. - UTUSAN/JAMLIH ABDULLAH

ALOR SETAR: Penternak berharap pemberian subsidi ayam yang diumumkan kerajaan mampu meringankan beban yang ditanggung mereka ekoran kenaikan kos operasi dan penetapan harga siling ketika ini sekali gus menamatkan kemelut bahan itu yang dianggap terburuk setakat ini. Bagaimanapun, Jaffri Ahmad, 57, yang juga Pengasas dan Presiden Bismi Empire Sdn. Bhd. (Ayam Bismi) berkata, penetapan formula untuk subsidi berkenaan memerlukan situasi menang menang bagi semua pihak termasuk penternak dan pengguna.

"Kementerian Pertanian dan Industri Makanan masih belum menjelaskan bentuk dan bagaimana subsidi ini diagihkan. Harapan kita sekurang-kurangnya jangan bagi penternak rugi. "Itu kerana apabila penternak mengalami kerugian, kita terpaksa mengurangkan kemasukan ayam kerana tidak mahu menanggung kos yang tinggi," katanya. Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Majlis Perasmian Rumah Makan Percuma (RMP) dan Majlis Penyerahan Zakat Ayam Bismi 2021 di sini hari ini. Turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK), Datuk Syeikh Zakaria Othman; Mufti Kedah, Datuk Syeikh Fadzil Awang dan Pengarah Urusannya, Mazlina Kamarudin. Jaffri mengulas tentang pengumuman kerajaan yang akan memberikan subsidi bagi memastikan harga barangan dapat dikawal sebagaimana Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) yang akan berakhir esok.

Perkara tersebut antara yang diputuskan dalam Mesyuarat Khas Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) mengenai Industri Pengeluaran Makanan untuk membincangkan isu bekalan dan pengeluaran makanan terutama bagi ayam dan telur ayam.

Mengulas lanjut, kata Jaffri, kemelut ayam ketika ini semakin memburuk dengan masalah kekurangan bekalan ayam sepanjang musim perayaan ini. "Contohnya apa yang berlaku dua bulan lepas, bila Perdana Menteri kata seminggu lagi ayam import nak masuk 200 kontena, kita sebagai penternak rasa takut sebab nak masuk ayam banyak-banyak nanti ayam sejuk akan masuk. "Kalau bertembung ayam kita tidak tahu hendak letak mana sedangkan kos semakin tinggi. Akibatnya tidak pernah tengok Tahun Baharu Cina ayam berkurangan sehingga 90 peratus," katanya. Subsidi ayam, penternak harap situasi menang menang

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/2/2022	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	31



KECERIAAN peserta dari kumpulan Pekasam Along Viral yang memenangi pertandingan tempat pertama pada program Pencarian *Signature Product* Pekasam di Tapak Pasar Tani, baru-baru ini.

Potensi pekasam ikon terbaharu Kedah

BALING : Pekasam kini merupakan ikon terbaharu di Kedah dan telah diangkat sebagai kebanggaan negeri berkenaan kerana keenakan rasanya yang unik.

Terdapat lebih 20 individu yang mengusahakan produk pekasam dan ia sangat popular di Baling dan Sik.

Pegawai Daerah Baling, Mohd Shahadan Abdullah, berkata, bagi mengangkat martabat pekasam dan dikomersialkan sebagai produk hasil Kedah, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Daerah Baling menganjurkan pertandingan Pencarian Pekasam Terbaik.

“Hasrat ini adalah untuk mengenal pasti usahawan pekasam serta menaik taraf produk berkenaan.

“Pemenang pekasam terbaik menerima hadiah berbentuk menaiktaraf pembungkusan produk serta peralatan yang diperlukan,” katanya dalam sidang akhbar ketika program Pencarian *Signature Product* Pekasam di Tapak Pasar Tani, baru-baru ini.

Menurutnya, idea mengadakan pertandingan tersebut sula daripada KPI Kempen Galakan Pasaran Domestik (Produk Industri Makanan) ia-

itu setiap negeri perlu mengemukakan cadangan *signature* baharu.

Terdapat pelbagai jenis pekasam dan bahan yang digunakan, antaranya pekasam ikan air tawar, daging, kambing, telur sotong, cendawan, ikan kembung, serta pelbagai jenis bahan yang unik dihasilkan oleh usahawan.

Sementara itu, Ketua Pemasaran Along Pekasam Viral, Masdiana Liza Md Desa, 38, berkata, mereka tidak menyangka akan memenangi pertandingan Pencarian *Signature Product* Pekasam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/2/2022	HARIAN METRO	LOKAL	23



KPDNHEP memberi amaran tegas kepada peniaga supaya tidak mengambil kesempatan menaikkan harga telur pada waktu krisis.

30% putus bekalan

Masalah bekalan telur dijangka pulih dalam masa terdekat

Bernama

Kuala Terengganu

Masalah kekurangan bekalan telur di negeri ini yang berlarutan lebih sebulan dijangka pulih dalam masa terdekat.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Terengganu, Saharuddin Mohd Kia berkata, pihaknya menjalankan pemantauan di 26 pasar raya utama di seluruh negeri susulan aduan daripada orang ramai dan laporan di media massa.

Bagaimanapun, katanya, pihaknya mendapati hanya 30 peratus daripada premis berkenaan yang terputus bekalan telur manakala selebihnya masih membekalkan stok itu kepada peng-



Pasar raya yang terputus bekalan sudah pun membuat tempahan dengan pemborong dan edaran akan dilakukan dalam masa terdekat

Saharuddin Mohd Kia

guna seperti biasa.

"Pasar raya yang terputus bekalan sudah pun membuat tempahan dengan pemborong dan edaran akan dilakukan dalam masa terdekat.

"Jadi saya minta orang ramai supaya tidak panik dan melakukan pembelian dalam kuantiti luar biasa kerana ia akan menyebabkan masalah sama berulang,"



katanya dalam kenyataan, semalam.

Menurut Saharuddin, masalah kekurangan bekalan yang berlaku sejak kebelakangan ini adalah disebabkan perubahan cuaca dan kenaikan kos makanan ayam telur serta upah buruh yang mendadak.

Katanya, pada November tahun lalu, anggaran bekalan telur yang diagihkan ke

pasaran ialah 900,000 biji, tetapi mencatat penurunan sekali ganda iaitu 450,000 biji pada Disember tahun lalu.

Pada masa sama, beliau turut memberi amaran tegas kepada peniaga supaya tidak mengambil kesempatan dengan menaikkan harga telur sesuka hati pada waktu krisis.

"Peniaga yang menaikkan harga telur dengan alasan kekurangan bekalan boleh dikenakan tindakan mengikut Seksyen 14(1), Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 yang jika sabit kesalahan, syarikat boleh dikenakan denda sehingga RM500,000.

"Bagi individu pula, denda sehingga RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/2/2022	THE SUN	NEWS	3

'EGG SHORTAGE OVER SOON IN TERENGGANU'

KUALA TERENGGANU: Terengganu expects the shortage of chicken eggs in the state to be resolved soon. State domestic trade and consumer affairs director Saharuddin Mohd Kia said his enforcement team found that only 30% of the 26 main supermarkets in the state were affected by the shortage. "The affected supermarkets have already made reservations with the wholesalers and the eggs will be distributed soon. I urge the public not to resort to panic buying of eggs as this will lead to further shortage," he said in a statement yesterday. Saharuddin said changing weather conditions, a sudden surge in the prices of animal feed and the increase in wages were among reasons affecting the current supply of eggs. He warned that stern action would be taken against traders found taking advantage of the current situation to raise the price of eggs.

- Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/2/2022	NST	NATION	5

INCREASED COSTS

Terengganu egg shortage to clear up soon

KUALA TERENGGANU: The shortage of eggs in Terengganu, which has lasted for more than a month, is expected to clear up soon.

State Domestic Trade and Consumer Affairs director Saharuddin Mohd Kia said it had carried out checks at 26 supermarkets following shortage complaints and found that only 30 per cent were affected and the rest had ample supply.

“Supermarkets that ran out of eggs have placed orders with wholesalers and the eggs will be delivered soon.

“I urge the public to stay calm and refrain from panic-buying.”

Saharuddin attributed the shortage to climate change and the increase in cost of chicken feed as well as higher labour cost.

He said in November, there were about 900,000 eggs in the market, but the number dropped to 450,000 in December.

He warned traders against raising egg prices. **Bernama**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/2/2022	NST	NEWS IN BRIEF	14

Picturesque straw rolls in Kedah village a crowd-puller

NOORAZURA ABDUL RAHMAN
YAN
 news@nst.com.my

IF you are looking for a unique place for a photo shoot, head to Kampung Kuala Dulang Keching here to catch the scenic view of rice straw rolls with the majestic Gunung Jerai as a backdrop.

The rice straw rolls spot was the creative work of local folk who wanted to set up an attraction at the village.

Village spokesman Senawi Pangeran said 40 villagers were involved in designing and arranging 30 rice straw rolls, which they bought from the Muda Agriculture Development Authority at RM80 each.

He said some of the rolls were arranged for photo shoots, while others had been reworked into interesting shapes, such as a heart shape and motorcycle.

"We started this activity in February 2020, but we did not attract a large crowd

due to the Covid-19 pandemic and Movement Control Order, so we decided to put it on hold.

"We are grateful that this year it has become a hit with outsiders," he said.

Their creativity has also brought a windfall for enterprising villagers who were selling food and beverages at the site.

A visitor from Perlis, Syalqi Fikri, 26, said he came to the site upon seeing beautiful photos shot at the location on social media.

"It is worth a trip, with Gunung Jerai as the backdrop. I fell in love with the stunning view," he said.

Nabila Zakaria, 27, from Alor Star, said she was awed by the beauty of the location, especially for photo shoots.

"I think the children are very happy that they get to climb on the rice straw rolls.

"I hope the villagers can provide steps to enable adults to climb these creations as well so that everyone can get the best angle for photos," she said.



People posing for pictures with the rice straw rolls at Kampung Dulang Kechil in Yan on Wednesday. PIC BY LUQMAN HAKIM ZUBIR

Bekas juruteknik mampu raih jualan RM1,000 hanya dalam tempoh tiga hari

Sanggup berhenti kerja ternak lobster



MOHD. SYAFIRUL menunjukkan udang kara di kolam ternaknya di Pulau Betong, Balik Pulau semalam. - IQBAL HAMDAN

Oleh SAFINA RAMLI

BALIK PULAU - Keputusan meninggalkan kerjaya yang stabil empat tahun lalu demi minat yang mendalam dalam bidang ternakan udang kara air tawar ternyata membuahkan hasil yang lumayan buat Mohd. Syafirul Abdulllah, 39.

Bermula daripada hanya ternakan di rumah, kini bekas juruteknik elektrik itu boleh menarik nafas lega apabila dia mampu mengusahakan Ladang Pembenhian Lobster Air Tawar, di Pulau Betong di sini, sejak awal tahun ini.

Ladang ternakan itu turut dilaksanakan sebagai lokasi Agro Tourism Balik Pulau.

Mohd. Syafirul berkata, ketika ini, dia hanya memberikan fokus kepada pengeluaran benih udang kara atau lebih dikenali sebagai lobster air tawar dalam kalangan masyarakat tempatan.

"Saya usahakan ternakan ini bersama isteri, Nor Diana

Mokhtar, 38. Saya memiliki kira-kira 2,000 benih udang kara yang siap untuk dijual kepada penternak.

"Harga yang ditawarkan pula mengikut saiz iaitu RMI untuk benih bersaiz satu inci dan RM2 untuk benih sebesar dua inci," katanya di Ladang Pembenhian Lobster Air Tawar Pulau Betong di sini semalam.

Menurutnya, sebelum memberikan fokus kepada penternak benih udang kara itu, dia pernah menjual induk lobster di rumah sekitar tahun 2019.

"Sambutan orang ramai terhadap induk lobster amat menggalakan. Ketika itu saya mempunyai kira-kira 500 ekor induk dan kesemuanya habis dijual dalam tempoh tiga hari sabaja.

"Secara kasar saya memperoleh kira-kira RM1,000 dalam tempoh tiga hari sabaja kerana ramai yang mahu menternak halwan air tawar ini," katanya.

Bapa kepada tiga orang anak ini berkata, pada tahun ini, dia

merancang untuk menternak induk dan benih lobster memandangkan permintaan tinggi terhadap lobster air tawar itu.

"Sekarang benih lobster di-biak di dalam tangki air polivinil klorida (PVC) dan selepas ini saya akan membiak induk di dalam tujuh buah kolam di atas tanah pula.

"Tujuh buah kolam ini sedang dalam pembinaan dan selepas siap ia dapat memenuhi permintaan orang ramai yang mahu merasa sendiri keenakan lobster air tawar ini," katanya.

Lobster mendapat permintaan tinggi terutama daripada pengusaha restoran makanan laut yang sering menjadikannya sebagai hidangan istimewa. Harganya pula boleh mencecah sehingga RM100 sekilogram bergantung kepada saiz.

Bagi mereka yang berminat untuk mendapatkan benih lobster air tawar atau maklumat lanjut mengenai ladang itu boleh melayari akaun Facebook, Pulau Betong Lobster Farm.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/2/2022	SINAR HARIAN	NASIONAL	13

Segera muktamad pemberian subsidi penternak ayam - BRO

SHAH ALAM - Persatuan Peruncit Bumiputera (BRO) berharap agar kerajaan terus memastikan langkah intervensi atau pemberian subsidi yang saksama kepada penternak-penternak ayam tempatan dapat dimuktamadkan segera.

Presidennya, Datuk Dr Ameer Ali Mydin berkata, ia adalah bagi memastikan penternak ayam tempatan kekal berdaya saing antara satu sama lain.

Beliau berkata demikian susulan penetapan harga maksimum runcit bagi ayam standard yang dikurangkan sebanyak 20 sen menjadikan harga siling ayam pada RM8.90.

“Kesungguhan yang ditunjukkan oleh Kerajaan Keluarga Malaysia pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob ini jelas menyatakan keseriusan beliau menangani isu kenaikan harga barangan yang sedang berlaku di peringkat global.

“Pihak persatuan menyatakan komitmen dan usaha memastikan aspirasi kerajaan bagi kawalan harga barangan dapat dicapai.



BRO harap kerajaan segera muktamad pemberian subsidi penternak ayam.



AMEER ALI

Justeru itu, rakyat dan peniaga akan dapat manfaat seiring dengan keputusan yang telah dibuat tersebut,” katanya dalam satu kenyataan pada Khamis.

Pada 31 Januari lalu, kerajaan menetapkan harga maksimum runcit bagi ayam standard ialah RM8.90 sekilogram, iaitu pengurangan 20 sen daripada harga siling semasa RM9.10.

Ismail Sabri berkata, harga telur ayam semua gred pula kekal seperti harga kawalan Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) semasa.

Di bawah SHMKM, harga runcit sebiji telur ayam di

Semenanjung ialah 44 sen (Gred A), 42 sen (Gred B) dan 40 sen (Gred C) manakala harga di Sabah, Sarawak dan Labuan adalah bergantung kepada kawasan.

Ameer Ali memaklumkan BRO menyambut baik keputusan Mesyuarat Khas Majlis Tindakan Khas Sara Hidup Negara (NACCOL) pada 31 Januari lepas yang menyelesaikan isu bekalan serta pengeluaran makanan terutama ayam dan telur ayam.

Jelasnya, pihak persatuan juga turut menzahirkan ucapan penghargaan di atas keputusan kerajaan yang membuka permit import ayam kepada semua pemegang Permit Kelulusan (AP) dan juga pembukaannya kepada pengusaha-pengusaha pasar raya besar.

Ternak udang kara lumayan

Oleh SAFINA RAMLI

utusannews@mediamulla.com.my

BALIK PULAU: Keputusan meninggalkan kerjaya yang stabil empat tahun lalu demi minat yang mendalam dalam bidang ternakan udang kara air tawar ternyata membuahkan hasil lumayan buat Mohd. Syafirul Abdullah, 39.

Bermula dari ternakan hanya di rumah, kini bekas juruteknik elektrik itu boleh menarik nafas lega apabila dia mampu mengusahakan Ladang Pembelian Lobster Air Tawar di Pulau Betong, di sini sejak awal tahun ini yang turut disenaraikan sebagai lokasi Agro Tourism Balik Pulau.

Mohd. Syafirul berkata, pada masa ini dia hanya memberikan fokus kepada pengeluaran benih udang kara sahaja atau lebih dikenali sebagai lobster air tawar dalam kalangan masyarakat tempatan.

"Ladang ini saya usahakan bersama isteri, Nor Diana Mokhtar dan kami memiliki kira-kira 2,000 benih udang kara yang siap untuk dijual kepada penternak.



MOHD. SYAFIRUL ABDULLAH menunjukkan udang kara air tawar yang dikernakannya di Ladang Pembelian Lobster Air Tawar di Pulau Betong Pulau Pinang. - UTUSAN/IQBAL HAMDAN

"Harga yang ditawarkan pula mengikut saiz iaitu RM1 untuk benih bersaiz satu inci dan RM2 untuk benih sebesar dua inci," katanya ketika ditemui di Ladang Pembelian Lobster Air Tawar Pulau Betong, di sini semalam.

Menurutnya, sebelum mem-

induk dan kesemuanya habis dijual dalam tempoh tiga hari sahaja.

"Secara kasar saya memperoleh kira-kira RM1,000 dalam tempoh tiga hari sahaja kerana ramai yang mahu menternak haiwan air tawar ini," katanya.

Bapa kepada tiga anak itu berkata, pada tahun ini dia merancang menternak induk dan benih lobster pada masa sama memandangkan permintaan tinggi terhadap udang kara air tawar itu.

"Sekarang benih lobster dijual di dalam tangki air polivinil klorida (PVC) dan selepas ini saya akan membiak induk di dalam tujuh buah kolam di atas tanah pula.

"Tujuh buah kolam ini sedang dalam pembinaan dan selepas siap dapat memenuhi permintaan orang ramai yang mahu merasa sendiri keenakan udang kara air tawar ini," katanya. Mereka yang berminat untuk mendapatkan benih lobster air tawar atau maklumat lanjut mengenai ladang berkenaan boleh meninjau laman Facebook, *Pulau Betong Lobster Farm*.